

STRATEGI EKSPLISITASI PENGKHUSUSAN LEKSIKAL DALAM TERJEMAHAN MAHMUD YUNUS TERHADAP MAJĀZ MURSAL AL-QURAN

Nasimah Abdullah
Universiti Islam Selangor
Email: nasimah@uis.edu.my

Saifulah Samsudin
Universiti Islam Selangor
E-mail: saifulah@uis.edu.my

ABSTRAK

Mahmud Yunus merupakan ulama yang sangat terkenal dalam bidang al-Quran dan pentafsirannya. Antara usaha beliau ialah terjemahan makna al-Quran kepada bahasa Melayu yang dikenali dengan “Tafsir al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani”. Teks ini menjadi rujukan masyarakat di Alam Melayu, bukan sahaja di Indonesia malah juga di Malaysia dan Brunei. Pengkajian tentang ulama ini dan karyanya sebelum ini banyak mengetengahkan ketokohnya dan metode tafsirannya terhadap ayat al-Quran. Walau bagaimanapun, amatlah jarang pengkajian dibuat tentang pendekatan terjemahan Mahmud Yunus dari segi perspektif teori terjemahan moden Barat. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenalpasti pendekatan terjemahan yang digunakan oleh Mahmud Yunus dengan memanfaatkan salah satu daripada bentuk strategi eksplisitasi iaitu pengkhususan leksikal yang digagaskan oleh Klaudy dan Károly pada tahun 2005. Fokus kajian ini hanya melibatkan gaya bahasa majāz mursal. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan persampelan bertujuan. Data kajian ialah ayat 19 dan 232 surah al-Baqarah, ayat 92 surah al-Nisa’, ayat 6 surah al-An‘ām, ayat 37 surah Hud, ayat 40 surah Ṭaha, ayat 13 surah al-Qaṣas, ayat 7 surah Nuh dan ayat 17 Surah al-‘Alaq. Kajian ini menemui bahawa Mahmud Yunus memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha memindahkan makna implisit yang terkandung dalam gaya bahasa majāz mursal al-Quran melalui penggunaan strategi eksplisitasi dari bentuk pengkhususan leksikal. Secara tidak langsung boleh dirumuskan bahawa para penterjemah teks berbentuk kusus seperti Mahmud Yunus sebenarnya menggunakan teori terjemahan moden Barat walaupun ia tidak disebut secara langsung.

Kata Kunci : Strategi Eksplisitasi, Pengkhususan Leksikal, Majaz mursal al-Quran, Mahmud Yunus

1. Pengenalan

Al-Quran diturunkan secara mutawatir dalam bahasa Arab kepada nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibril dan membacanya merupakan ibadat bagi masyarakat Islam. Sebenarnya penurunan al-Quran secara tidak langsung telah mengembangkan bahasa Arab ke seantero dunia. Sumbangan al-Quran kepada perkembangan bahasa Arab bukan sahaja dapat menjaga eksistensinya, menyatukan dialeknya dan memperluaskan ketersebarannya ke seluruh alam, malah juga boleh menambahkan kosa kata, cakupan makna dan gaya bahasanya serta memperkayakan lagi sasteranya (Hadi, 2015). Hal ini bermaksud bahawa al-Quran mempunyai pelbagai keistimewaan dan mukjizatnya. Untuk memahami gaya bahasa al-Quran, pelbagai ilmu diperlukan seperti ulum al-Quran dan tafsir al-Quran (Purba, 2016), selain perlu memahami hadis, *asbāb al-Nuzūl*, *Qirāāt* dan ilmu *usuluddin* (Amar, 2007: 184-186).

Selain itu, masyarakat Islam yang bukan berbangsa Arab dan tiada pengetahuan tentang bahasa Arab juga memerlukan teks terjemahan makna al-Quran dalam usaha untuk memahami mesej al-Quran (Abdullah, 2015; Abdullah 2020). Keberadaan teks terjemahan tersebut adalah sebagai medium untuk memahami intipati al-Quran atau sebagai rujukan sekunder kepada teks asal al-Quran yang dalam bahasa Arab (Abdul-Raof, 2001: 1). Atas faktor tersebut, al-Quran telah diterjemahkan kepada bahasa-bahasa lain di dunia seperti Inggeris, Jerman, Parsi, Perancis, Belanda, Turki dan Urdu (Zadeh, 2015; Halimah, 2014; Heri, 2012). Situasi ini memperlihatkan bahawa peranan terjemahan al-Quran

kepada bahasa-bahasa lain sangat signifikan kepada komuniti Islam yang tidak boleh menguasai bahasa Arab.

Jika kita menelusuri sejarah kedatangan Islam ke alam Melayu Nusantara, kita dapat memperhatikan bahawa al-Quran mendapat perhatian luar biasa daripada masyarakat Melayu, malah pegangan mereka terhadap al-Quran dan Islam juga sangat kuat berbanding dengan kedatangan agama lain seperti Budha dan Hindu (Al-Attas, 1972). Hal ini tidaklah pelik kerana munculnya ulama Melayu Nusantara yang menyebarkan dan memperjuangkan Islam terutamanya dalam bidang pentafsiran al-Quran seperti Syeikh Abd al-Rauf al-Fansuri pada kurun ke-17 Masihi yang muncul di Aceh, Indonesia (Yusuff et al., 2021), Syeikh Muhammad Sa'id bin Umar pada abad ke-19 Masihi yang muncul di Kedah, Malaysia (Yusuff & Sahad, 2013; Nasimah & Mohamed, 2022) dan lain-lain.

Pada kurun ke-20 Masihi muncul Mahmud Yunus di Sumatera Barat, Indonesia yang sangat terkenal dalam bidang al-Quran dan pentafsirannya. Antara usaha beliau ialah terjemahan makna al-Quran kepada bahasa Melayu yang dikenali dengan “Tafsir al-Quran Nul Karim”. Usaha awal menterjemahkan al-Quran bermula sejak November 1922 melalui tulisan dalam Majalah Tafsir al-Quran yang diterbitkan secara berkala, namun usaha ini tergendala seketika dari tahun 1924 hingga tahun 1936 apabila beliau menyambung pengajian ke Mesir (Ahmad et al., 2012). Sekembalinya ke Indonesia, beliau meneruskan usaha menterjemahkan al-Quran dengan bantuan oleh H. Ilyas Muhammad Ali dan H.M.K. Bakry dan terjemahan lengkap 30 juzuk al-Quran disempurnakan pada tahun 1938 (Ahmad et al., 2012). Teks tersebut dinamakan “Tafsir al-Quran Nul Karim Rasm Majid”.

Teks terjemahan makna al-Quran ini menjadi rujukan masyarakat di Alam Melayu, bukan sahaja di Indonesia malah juga di Malaysia dan Brunei. Teks terjemahan ini diterbitkan oleh Klang Book Centre di Malaysia dengan kebenaran pencetak di Indonesia dan telah diulang cetak beberapa kali di Malaysia dan yang terakhir adalah pada tahun 2008. Teks cetakan ini dinamakan dengan “Tafsir al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani”.

Pengkajian tentang Mahmud Yunus dan karyanya sebelum ini banyak mengetengahkan ketokohnya dan metode tafsirannya terhadap ayat al-Quran berdasarkan bidang pengajian Islam. Walau bagaimanapun, amatlah jarang pengkajian dibuat tentang pendekatan terjemahan Mahmud Yunus dari segi perspektif teori terjemahan moden Barat. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenalpasti pendekatan terjemahan yang digunakan oleh Mahmud Yunus dengan memanfaatkan salah satu daripada bentuk strategi eksplisitasi iaitu pengkhususan leksikal yang digagaskan oleh Klaudy dan Károly pada tahun 2005. Fokus kajian ini hanya melibatkan gaya bahasa majāz mursal dengan justifikasi ianya merupakan sebahagian daripada ungkapan figuratif atau majāzi yang tidak boleh sama sekali diterjemahkan dengan sekadar melihat kepada peringkat semantik perkataan, frasa atau ayat yang terasing daripada faktor konteks penggunaan (Ainon & Abdullah, 2006).

2. Tinjauan Persuratan

Penulis membahagikan perbincangan tentang tinjauan persuratan kepada dua (2) bahagian, iaitu: i) kajian lepas tentang Tafsir Mahmud Yunus, dan ii) kajian lepas tentang terjemahan majāz mursal.

2.1 Kajian Lepas Tentang Tafsir Mahmud Yunus

Antara kajian awal tentang Mahmud Yunus ialah Ahmad et al., (2012) yang mengetengahkan ketokohan beliau melalui paparan latar belakang dan usaha beliau menghasilkan karya “Tafsir al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani”. Kajian ini menemukan fakta bahawa Mahmud Yunus mengaplikasikan lapan (8) metode dalam mentafsirkan ayat al-Quran sebagaimana pendekatan ulama

tafsir yang lain. Metode tersebut ialah mentafsirkan ayat al-Quran dengan i) al-Quran, ii) hadis, iii) pandangan sahabat nabi, atau melalui iv) pandangan tabi'in, v) pandangan akal, vi) makna kalimah, selain vii) mengemukakan kata-kata pepatah dan viii) kisah-kisah.

Kajian lain daripada Abdullah (2017) pula membincangkan tentang kohesi dalam tafsir Mahmud Yunus yang bertujuan mengkaji kesepadanan terjemahan kata ganti nama diri daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu dengan memilih 11 sampel terjemahan ayat al-Quran. Kajian ini mendapati terdapat sebanyak empat (4) sampel yang tidak sepadan dengan kata ganti nama Arab dalam *Tafsir al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani* yang menyebabkan tidak wujud ketenunan atau kohesi dalam teks, selain menghasilkan wacana yang tidak mantap. Ayat tersebut ialah surah *Nuh* ayat 7, surah *al-Taubah* ayat 67, surah *Al-Sajadah* ayat 12 dan surah *al-Baqarah* ayat 19. Manakala baki lagi tujuh (7) sampel menunjukkan wujudnya kesepadanan dalam terjemahan kata ganti nama diri Arab kepada Melayu dan seterusnya dapat menghasilkan wacana yang mantap kerana wujudnya keserasian hubungan antara satu unsur linguistik dengan unsur linguistik yang lain dalam sesebuah wacana. Ayat tersebut ialah surah *al-Hijr* ayat 88, surah *Ali-Imran* ayat 118, surah *al-Kahfi* ayat 42, surah *Ibrahim* ayat 4, surah *al-Furqan* ayat 27, surah *al-Maaidah* ayat 38 dan surah *at-Taubah* ayat 40.

2.2 Kajian Lepas Tentang Terjemahan Majāz Mursal al-Quran

Kamus Kesusasteraan (2015) mendefinisikan majāz mursal sebagai salah satu cabang al-majāz yang digunakan oleh orang Arab untuk mengindahkan makna sesuatu perkataan serta menjadikan wacana lebih menarik. Majāz mursal mempunyai pelbagai hubungan yang tidak setara dengan kata iringan (qarīnah) yang dapat dilihat atau disebut di dalam ayat. Antara hubungan tersebut adalah seperti hubungan *sababiyyah* (علاقة سببية), hubungan *musabbab* (علاقة مسببية), hubungan *juz'iyah* (علاقة جزئية), hubungan berkaitan dengan perkara yang telah berlaku (اعتبار ما كان), hubungan berkaitan dengan perkara yang belum berlaku (اعتبار ما سيكون), hubungan tempat (علاقة محلية), hubungan keadaan (علاقة حالية) hubungan *kulliyyah* (علاقة كلية) dan hubungan *āliyyah* (علاقة آلية) (Bakri, 2001; Kaathi', 2008; al-Zarkasyi, 2001). Hubungan antara maksud asal dengan maksud dikehendaki bukan berunsurkan penyerupaan sebagaimana gaya bahasa isti'ārah, tetapi gaya bahasa majāz mursal ini mengandungi hubungan dari segi makna ujaran.

Oleh kerana majāz mursal merupakan salah satu daripada ungkapan al-majāz, maka sudah pasti gaya bahasa ini mengandungi makna implisit yang memerlukan interpretasi yang melangkaui makna literal. Makna implisit bermaksud makna tersirat atau makna yang tidak dinyatakan secara terang-terangan (Baharom et. al., 2015: 571). Gangguan makna akan terjadi sekiranya makna implisit yang terkandung dalam gaya bahasa majāz mursal tidak dizahirkan dalam teks sasaran (Abdullah et al., 2020c).

Menurut Hasan (2007), penterjemah dituntut untuk menterjemahkan informasi implisit agar mesej yang terkandung dalam teks sumber dapat disampaikan dengan baik dalam teks sasaran. Pandangan ini selaras dengan Larson (1989) yang menyatakan bahawa maklumat yang implisit merupakan maklumat yang tidak mempunyai bentuk tetapi merupakan sebahagian daripada komunikasi keseluruhan yang ingin disampaikan oleh penutur atau penulis. Pandangan Larson ini sepadan dengan ciri-ciri yang ada pada hubungan-hubungan tidak setara yang ada dalam gaya bahasa majāz mursal. Faktor hubungan yang terdapat pada gaya bahasa majāz mursal itulah sebenarnya yang membentuk sebahagian daripada komunikasi keseluruhan yang perlu dieksplisitkan dalam bahasa sasaran agar maksud asal teks sumber boleh difahami dengan betul.

Berdasarkan pengkajian pengajian ilmu terjemahan, bentuk makna implisit boleh ditangani dengan menerapkan strategi terjemahan tertentu (Syed Nurulakla Syed Abdullah, 2015: 13). Secara

empirikalnya makna implisit yang terkandung dalam ungkapan majāz mursal juga dapat dizahirkan dalam teks sasaran melalui strategi penterjemahan tertentu. Antara strategi yang boleh diaplikasikan dalam menzahirkan bentuk makna implisit yang terkandung dalam ungkapan majāz mursal dalam al-Quran ialah strategi eksplisitasi.

Terdapat satu makalah yang ditulis oleh Abdullah et al. (2020c) yang membuat sorotan literatur terhadap terjemahan *majāz mursal* ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan perbincangan tentang penterjemahan *majāz mursal* ke dalam bahasa Melayu tidak dibincangkan secara khusus, malah banyak disentuh secara umum sahaja dalam perbincangan isu makna figuratif, *musyakalah*, konteks dalam terjemahan, tahap kebolehbacaan teks dan kesepadanan formal. Dapatan juga menunjukkan bahawa kajian-kajian lepas menerapkan strategi penterjemahan tertentu dalam menterjemahkan *majāz mursal* berdasarkan pertimbangan faktor tertentu.

Antara kajian terdahulu yang membincangkan terjemahan majāz mursal al-Quran secara khusus adalah Hermawan (2015) dan Abdullah (2019). Hermawan (2015) membuat perbandingan terjemahan *majāz mursal* al-Quran antara dua (2) teks terjemahan bahasa Sunda. Kajian tersebut menemui bahawa dalam terjemahan Hasim terdapat 45.71% terjemahan *majāz mursal* yang sesuai dengan dasar-dasar balāghah dan pendapat mufassir, manakala 54.29% terjemahan lagi tidak sesuai. Adapun dalam terjemahan Pemda Jabar terdapat 40% terjemahan yang sesuai dengan dasar-dasar balāghah serta pendapat mufassir dan 60% terjemahan lagi tidak sesuai. Kajian ini merumuskan bahawa ketidakesesuaian terjemahan mempengaruhi kualiti terjemahan, menimbulkan hilangnya makna bahasa sumber dan tidak sampainya mesej bahasa sumber di dalam bahasa penerima.

Manakala, kajian Abdullah (2019) pula membuat perbandingan terjemahan majāz mursal al-Quran antara tiga (3) teks terjemahan bahasa Melayu yang dihasilkan oleh Mahmud Yunus, Abdullah Basmeih dan Zaini Dahlan. Kajian ini mengemukakan hanya 5 data majāz mursal sebagai contoh kehilangan makna dalam teks terjemahan iaitu ayat 2 surah al-Nisā', ayat 26 surah al-A'raf, ayat 74 surah Taha, ayat 13 surah Ghafir dan ayat 27 surah Nūh. Kajian ini merumuskan bahawa penterjemah tidak dapat menyampaikan maksud yang dikehendaki secara tepat kerana terlalu bergantung kepada cara terjemahan literal yang menyebabkan kehilangan makna majāz mursal dalam terjemahan.

Kajian lain berkaitan terjemahan majāz mursal al-Quran ialah Abdullah et al. (2020a) yang bertujuan menganalisis teks terjemahan Mahmud Yunus dan Abdullah Basmeih untuk melihat pendekatan yang digunakan oleh kedua-dua teks dalam menterjemah majāz mursal al-Quran. Empat ayat al-Quran yang mengandungi majāz mursal daripada hubungan kesan atau akibat (*musabbab*) dipilih untuk dianalisa iaitu ayat 174 dan ayat 221 daripada surah al-Baqarah, ayat 10 surah al-Nisaa' dan ayat 41 surah Ghafir. Kajian ini mendapati wujudnya terjemahan yang tidak menepati kehendak makna sebenar mesej al-Quran ekoran penggunaan pendekatan secara literal. Kajian ini menyarankan agar strategi terjemahan lain perlu diguna pakai agar makna sebenar mesej al-Quran dapat disampaikan kepada pembaca sasaran.

Selain itu terdapat kajian lain oleh Abdullah et al. (2021) yang bertujuan melihat pendekatan yang digunakan oleh teks terjemahan al-Quran oleh Mahmud Yunus dan Abdullah Basmeih. Kajian ini hanya memilih sembilan (9) ayat al-Quran yang mengandungi *majāz mursal* daripada kategori hubungan *musabbab*. Data korpus ialah ayat 174 dan 221 daripada surah *al-Baqarah*, ayat 10 surah *al-Nisaa'*, ayat 6 surah *al-Maidah*, ayat 26 surah *al-'A'raf*, ayat 98 surah *al-Nahl*, ayat 41 surah *al-Qasas* dan ayat 13 serta 41 surah *Ghafir*. Kajian ini mendapati wujudnya terjemahan yang tidak menepati kehendak makna sebenar mesej al-Quran ekoran penggunaan pendekatan secara literal.

Kajian ini juga mencadangkan agar strategi terjemahan lain perlu diguna pakai agar makna sebenar mesej al-Quran dapat disampaikan kepada pembaca sasaran.

Berdasarkan empat (4) sorotan kajian lepas tersebut, dapat diperhatikan bahawa kajian Hermawan (2015) tidak sama dengan kajian semasa penulis dari sudut korpus kajian yang berlainan sama sekali. Kajian Abdullah (2019), Abdullah et al. (2020a) dan Abdullah et al. (2021) juga berlainan dengan kajian semasa penulis dari sudut data yang akan dianalisis yang berbeza sama sekali walaupun ketiga-tiga kajian tersebut menganalisis terjemahan Mahmud Yunus.

Manakala, kajian dari segi penggunaan strategi eksplisitasi dalam menterjemahkan majāz mursal pula adalah daripada Abdullah et al. (2020b) yang bertujuan meneliti bentuk eksplisitasi yang terdapat dalam terjemahan gaya bahasa majāz mursal dalam al-Quran. Kajian ini memilih tujuh (7) majāz mursal al-Quran sebagai sampel kajian iaitu ayat 107 surah Ali Imran, ayat 2 surah al-Nisā', ayat 43 surah al-Baqarah, ayat 174 surah al-Baqarah, ayat 2 surah Yunus, ayat 40 surah Ṭaha dan ayat 82 surah Yusuf. Korpus kajian adalah terjemahan yang dilakukan oleh Mahmud Yunus dan Abdullah Basmeih serta terjemahan oleh Yayasan Restu dan Hidayah House of Quran. Hasil kajian menunjukkan bahawa terjemahan gaya bahasa majāz mursal al-Quran menggunakan pelbagai bentuk eksplisitasi untuk memberi kefahaman yang lebih jelas kepada pembaca sasaran terhadap makna al-Quran seperti bentuk pengkhususan, penambahan maklumat, maklumat tambahan dalam kurungan dan nota kaki.

Kajian lain oleh Samsudin et al. (2020) pula bertujuan meneliti terjemahan majāz mursal al-Quran ke dalam bahasa Melayu untuk melihat kesepadanan maksud sebenar yang terdapat dalam mesej al-Quran dengan teks sasaran. Korpus kajian ialah "Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran" yang diterjemahkan oleh Abdullah Basmeih (2010). Lima ayat al-Quran daripada surah al-Baqarah yang mengandungi majāz mursal dipilih untuk dianalisa iaitu ayat 19,43, 174, 221 dan 232. Berdasarkan 5 data yang dikaji, kajian ini mendapati "Tafsir Pimpinan al-Rahman" tidak konsisten dalam penggunaan teknik penterjemahan majāz mursal. Sebahagian sampel diterjemah secara literal, namun sebahagian lagi dengan menggunakan pendekatan eksplisitasi. Penterjemahan majāz mursal dengan pendekatan literal tidak dapat menampilkan makna implisit yang terdapat di sebalik frasa majāz mursal yang terdapat dalam sampel-sampel kajian.

Seterusnya kajian oleh Abdullah dan Samsudin (2022) membuat perbandingan strategi yang digunakan oleh Yayasan Restu dan al-Hidayah House of Quran dalam penterjemahan *majāz mursal* al-Quran untuk melihat kesepadanan maksud sebenar yang terdapat dalam mesej al-Quran dengan teks sasaran. Kajian ini mendapati 13 daripada 48 data terjemahan *majāz mursal* mempunyai perbezaan pendekatan terjemahan. Begitu juga terdapat penggunaan pendekatan secara kata demi kata yang menyebabkan tidak berlakunya kesepadanan makna dengan teks sumber. Namun kedua-dua teks terjemahan tersebut cuba menzahirkan makna implisit yang terdapat dalam gaya bahasa *majāz mursal* al-Quran dengan menggunakan pelbagai bentuk strategi eksplisitasi. Kajian ini merumuskan bahawa strategi-strategi yang diketengahkan itu tidak dapat dinafikan mampu menyampaikan makna implisit yang terkandung dalam *majāz mursal* al-Quran.

Kajian terkini oleh Zainuddin et al. (2023) pula bertujuan untuk melihat keberkesanan strategi eksplisitasi dalam usaha menzahirkan makna implisit yang wujud dalam gaya bahasa majāz mursal al-Quran khusus kepada hubungan berkaitan dengan perkara yang telah terjadi (ītibar mā kāna). Empat teks terjemahan al-Quran iaitu teks terjemahan al-Hidayah House of Quran, Karya Bestari, Abdullah Basmeih dan Yayasan Restu dijadikan korpus untuk melihat pendekatan terjemahan yang digunakan. Data korpus ialah ayat 232 dan 234 daripada surah al-Baqarah, ayat 2 dan 12 daripada

surah al-Nisa', ayat 65 daripada surah Yusuf dan ayat 74 daripada surah Taha. Berdasarkan enam data yang dikaji, kajian ini mendapati bahawa strategi eksplisitasi yang digunakan mampu menzahirkan makna implisit yang wujud dalam gaya bahasa majāz mursal dari hubungan berkaitan dengan perkara yang telah terjadi berbanding kaedah literal yang mengundang kehilangan makna majāz mursal dalam teks terjemahan.

Berdasarkan empat (4) sorotan kajian lepas tersebut yang mengaplikasikan strategi eksplisitasi dalam analisis teks terjemahan majāz mursal al-Quran, dapat diperhatikan bahawa kajian Samsudin et al. (2020), Abdullah dan Samsudin (2022) dan Zainuddin et al. (2023) berlainan sama sekali dengan kajian semasa penulis dari sudut korpus kajian. Manakala kajian Abdullah et al. (2020b) pula sama dari segi korpus kajian iaitu teks terjemahan Mahmud Yunus tetapi kajian semasa penulis akan menganalisis data yang berbeza.

Boleh dirumuskan daripada lapan (8) sorotan kajian lepas bahawa kajian berkaitan dengan strategi eksplisitasi dalam terjemahan majāz mursal al-Quran kepada bahasa Melayu masih lagi terbatas. Kajian-kajian tersebut juga membuktikan bahawa strategi eksplisitasi merupakan satu pendekatan penterjemahan yang boleh diaplikasikan dalam kerangka penterjemahan Arab-Melayu secara umumnya dan dan juga sesuai untuk diterapkan dalam terjemahan teks keagamaan secara khususnya. Melalui penerapan strategi ini, terjemahan yang membantu pemahaman para pembaca dan yang kurang membantu pemahaman mereka terhadap teks terjemahan dapat dikenal pasti.

3. Metodologi kajian

Kajian ini adalah kajian kepustakaan dan berbentuk kualitatif dengan menggunakan persampelan berasaskan tujuan. Menurut Ahmad Sunawari Long (2016: 84), persampelan adalah satu teknik untuk memilih subjek daripada populasi yang digunakan sebagai sampel kajian. Persampelan berasaskan tujuan pula adalah pemilihan sampel kajian berdasarkan ciri-ciri yang dikehendaki oleh penyelidik yang sesuai dengan objektif kajian (Ahmad Sunawari Long, 2016: 86). Dalam kajian ini penyelidik hanya memfokuskan ayat 19 dan 232 surah al-Baqarah, ayat 92 surah al-Nisa', ayat 6 surah al-An'ām, ayat 37 surah Hud, ayat 40 surah Taha, ayat 13 surah al-Qaṣas dan ayat 7 surah Nuh. Penyelidikan kualitatif dalam kajian ini menjurus kepada analisis teks yang dihurai secara deskriptif.

Kajian ini mengaplikasikan strategi eksplisitasi yang digagaskan oleh Klaudy dan Károly pada tahun 2005 dengan memberi fokus kepada bentuk pengkhususan leksikal. Istilah "eksplisitasi" telah diguna pakai dalam konsep ilmu pengajian terjemahan yang merujuk kepada strategi atau prosedur dalam terjemahan. Secara khususnya istilah "eksplisitasi" dalam bidang pengajian terjemahan merujuk kepada satu bentuk peralihan (*shift*) dalam terjemahan daripada makna implisit dalam teks bahasa sumber kepada makna eksplisit dalam teks bahasa sasaran (Murtisari, 2016). Makna implisit bermaksud makna yang tidak dinyatakan secara terang-terangan atau makna tersirat (Baharom et. al., 2015: 571), manakala makna eksplisit bermaksud makna yang dinyatakan dengan jelas, atau makna tersurat, atau makna tanpa dikias-kias (Baharom et. al., 2015: 382). Walau bagaimanapun, tidak dinafikan juga bahawa penggunaan strategi eksplisitasi ini secara berlebihan adakalanya boleh menyebabkan berlakunya kelewahan.

Klaudy dan Károly (2005: 3) mengemukakan ciri-ciri pengeksplisitan melalui beberapa keadaan seperti i) apabila unit makna umum digantikan dengan unit bahasa sasaran yang lebih spesifik, ii) makna unit yang dibahagikan kepada beberapa unit kecil, iii) teks sasaran yang menampilkan penambahan elemen baharu makna, iv) struktur yang dibahagikan kepada dua atau lebih dalam teks sasaran dan v) frasa yang dipertingkatkan menjadi klausa dalam bahasa sasaran.

Begitu juga Klaudy dan Károly (2005: 15) turut mengutarakan operasi pemindahan standard pengeksplisitan iaitu i) pengkhususan leksikal (*lexical specification*), ii) pembahagian leksikal (*lexical division*), iii) penambahan leksikal (*lexical addition*), iv) pengkhususan tatabahasa (*grammatical specification*), v) peningkatan tatabahasa (*grammatical elevating-raising*) dan vi) penambahan tatabahasa (*grammatical addition*). Boleh dikatakan bahawa kajian mereka berdua ini menampilkan elemen teknikal pengeksplisitan secara terperinci. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memfokuskan bentuk pengkhususan leksikal sahaja.

Pengkhususan leksikal adalah salah satu operasi pemindahan standard yang dikemukakan oleh Klaudy dan Károly (2005) yang terhasil daripada ciri eksplisitasi di mana unit makna umum digantikan dengan unit bahasa sasaran yang lebih spesifik. Idris (2016) mendefinisikan pengkhususan sebagai bentuk penggantian item teks sumber dengan padanan yang lebih khusus berdasarkan maksud yang terdapat dalam bahasa sasaran.

4. Perbincangan

Dalam bahagian ini penulis akan mengemukakan lima (5) sampel yang menunjukkan Mahmud Yunus memindahkan makna implisit yang terkandung dalam gaya bahasa majāz mursal al-Quran melalui penggunaan strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal. Lima (5) sampel tersebut ialah ayat 19 dan 232 surah al-Baqarah, ayat 31 surah al-A'arāf, ayat 84 surah al-Syu'arā' dan ayat 7 surah Nūh. Bagi memudahkan analisis, data ayat al-Quran dan terjemahannya ditunjukkan dalam jadual. Data terjemahan yang mengandungi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal akan ditanda dengan garisan di bawah.

Contoh 1: Surah al-Baqarah ayat 19

Jadual 1

<p>﴿ أَوْ كَصَيْبٍ مِّنَ السَّمَاءِ فِيهِ ظُلُمَاتٌ وَرَعْدٌ وَبَرْقٌ يَجْعَلُونَ أَصْبِعَهُمْ فِي آذَانِهِمْ مِّنَ الصَّوَاعِقِ حَذَرَ الْمَوْتِ وَاللَّهُ مُخِيطٌ بِالْكَافِرِينَ ﴾</p>	<p>Terjemahan Mahmud Yunus: Atau umpama orang-orang yang ditimpa hujan yang turun dari langit disertai gelap gelita, guruh dan kilat, mereka itu <u>memasukkan anak jarinya ke dalam telinganya</u>, kerana mendengar petir, lantaran takut mati, Allah amat Luas pengetahuanNya meliputi orang-orang kafir itu.</p>
---	--

Contoh 2: Surah Nūh ayat 7

Jadual 2

<p>﴿ وَإِنِّي كُلَّمَا دَعَوْتُهُمْ لِتَغْفِرَ لَهُمْ جَعَلُوا أَصْبِعَهُمْ فِي آذَانِهِمْ وَأَسْتَغْشَوْا ثِيَابَهُمْ وَأَصْرُوا وَاسْتَكْبَرُوا وَاسْتَكْبَرُوا ﴾</p>	<p>Terjemahan Mahmud Yunus: Dan sesungguhnya aku setiap kuseru mereka, supaya Engkau ampuni dosa mereka, <u>mereka tutup telinga mereka dengan anak jarinya</u>, dan mereka tutup (kepalanya) dengan kain, dan mereka berkekalan (dalam kekafirannya) dan mereka sombong sesombong-sombongnya.</p>
---	--

Ungkapan (يجعلون أصابعهم في آذانهم) dalam Jadual 1 dan (جعلوا أصابعهم في آذانهم) dalam Jadual 2 merupakan *majāz mursal*. Menurut al-Zarkasyi (2001: 2: 262 & 279), al-Suyuti (2003: 3: 111), Ibn ‘Asyur (1984: 14: 195) dan Wahbah al-Zuhaili (2009: 15: 150), kosa kata (أصابع) merupakan *majāz mursal* dari hubungan (الكلية) kerana perbuatan menyumbat keseluruhan jari ke dalam telinga adalah mustahil sama sekali, dan apa yang dimaksudkan dengan kata nama (أصابع) sebenarnya adalah “anak jari” (أنامل).

Hubungan *kulliyah* secara literalnya bermaksud hubungan keseluruhan. Gaya bahasa ini merujuk kepada satu keadaan gaya bahasa yang menyebut sesuatu secara keseluruhan tetapi yang dimaksudkan adalah sebahagian sahaja daripada sesuatu (Kaathi’, 2008: 83). Oleh itu, terjemah secara literal dengan “jari-jari” (أصابع) sudah semestinya tidak mempunyai makna yang sepadan antara teks sumber dengan teks sasaran. Selain itu, terjemahan literal juga menyebabkan makna yang dikehendaki tidak selari dengan apa yang ditafsirkan oleh kitab tafsir muktabar.

Dapat diperhatikan daripada Jadual 1 dan Jadual 2 bahawa Mahmud Yunus cuba menzahirkan makna sebenar *majāz mursal* tersebut dengan terus menterjemah lafaz (أصابع) kepada anak jari iaitu (أنامل). Ini bermakna beliau menggunakan strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal iaitu menggantikan item teks sumber (أصابع) dengan padanan yang lebih khusus berdasarkan maksud yang terdapat dalam bahasa sasaran iaitu (anak jari).

Contoh 3: Surah al-Baqarah ayat 232

Jadual 3

<p>﴿وَإِذَا طَلَّقْتُمُ النِّسَاءَ فَبَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا تَعْضُلُوهُنَّ أَنْ يَنْكِحْنَ أَزْوَاجَهُنَّ إِذَا تَرَاضَوْا بَيْنَهُم بِالْمَعْرُوفِ﴾</p>	<p>Terjemahan Mahmud Yunus: Dan apabila kamu menceraikan perempuan, kemudian telah habis iddahnya, <u>maka jangan kamu larang jika perempuan itu hendak mengahwini bekas suaminya kembali</u>, jika mereka itu telah suka sama suka secara makruf.</p>
--	--

Ungkapan (ينكحن أزواجهن) dalam Jadual 3 merupakan *majāz mursal* dari hubungan berkaitan dengan perkara yang telah berlaku (Wahbah al-Zuhaili, 2009: 1: 720). Gaya bahasa ini merujuk kepada satu keadaan gaya bahasa yang menyebut sesuatu perkara tetapi yang dimaksudkan sebenarnya adalah keadaan yang telah berlaku sebelum ini (al-Qazwini, t.t: 157). Ini bermaksud ia menyebut kosa kata (أزواج) yang bererti para suami tetapi yang dimaksudkan adalah bekas suami yang dinisbahkan kepada situasi yang telah berlaku sebelumnya (al-Zamakhsyari, 1995).

Daripada Jadual 3 dapat diperhatikan bahawa Mahmud Yunus dapat menjelaskan maksud yang dikehendaki daripada lafaz (أزواج) kerana beliau menzahirkan makna implisit kosa kata tersebut melalui penggunaan pengkhususan leksikal iaitu bekas suami.

Contoh 4: Surah al-Nisā’ ayat 92

Jadual 4

<p>﴿ وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ أَنْ يَفْتُلَ مُؤْمِنًا إِلَّا خَطَأً وَمَنْ قَتَلَ مُؤْمِنًا خَطَأً فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ وَدِيَةٌ مُسَلَّمَةٌ إِلَىٰ أَهْلِهِ إِلَّا أَنْ يَصَدَّقُوا ﴾</p>	<p>Terjemahan Mahmud Yunus: Dan tidak boleh orang Mukmin membunuh orang Mukmin (yang lain), kecuali jika tersalah. Dan barangsiapa membunuh orang Mukmin dengan tersalah, <u>hendaklah memerdekakan seorang hamba yang Mukmin</u> serta membayar diat (denda) kepada keluarga yang terbunuh itu, kecuali jika mereka sedekahkan...</p>
---	--

Ungkapan (تحرير رقبة) secara literalnya bermaksud “melepaskan leher” di mana asal makna perkataan رقية ialah leher (Ibn Manzur, 2003: 6: 200). Namun dari segi penggunaan gaya bahasa, ungkapan tersebut merupakan *majāz mursal* dari hubungan *juz’iyyah* (الجزئية). Hubungan *juz’iyyah* secara literalnya bermaksud hubungan separa. Gaya bahasa ini merujuk kepada satu keadaan gaya bahasa yang menyebut sebahagian sesuatu tetapi yang dimaksudkan adalah keseluruhan sesuatu (al-Zarkasyi, 2001: 2: 280). Dalam ayat al-Quran disebut perkataan (رقية) iaitu leher dan perkataan ini digunakan secara umum untuk merujuk kepada sebahagian dari tubuh badan hamba sahaya, tetapi yang dimaksudkan adalah lebih khusus iaitu dinisbahkan kepada keseluruhan tubuh badan hamba sahaya (al-Zamakhsyari, 1995: 1: 549).

Daripada Jadual 4 dapat diperhatikan bahawa Mahmud Yunus menzahirkan makna sebenar *majāz mursal* dengan terus menterjemahkan ungkapan (تحرير رقبة) kepada memerdekakan seorang hamba. Keadaan ini bermakna beliau menggunakan strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal.

Contoh 5: surah al-An‘ām ayat 6

Jadual 5

<p>﴿ أَلَمْ يَرَوْا كَمْ أَهْلَكْنَا مِنْ قَبْلِهِمْ مِنْ قَرْنٍ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ مَا لَمْ نُمَكِّنْ لَكُمْ وَأَرْسَلْنَا السَّمَاءَ عَلَيْهِمْ مِدْرَارًا وَجَعَلْنَا الْأَنْهَارَ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهِمْ ﴾</p>	<p>Terjemahan Mahmud Yunus: Tidakkah mereka ketahui, berapa banyaknya umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka. Kami senangkan mereka di bumi dengan kesenangan yang belum pernah Kami berikan kepadamu <u>dan Kami turunkan hujan yang lebat atas mereka...</u></p>
--	---

Ayat ini mengandungi ungkapan *majāz mursal* pada (وأرسلنا السماء عليهم مدرارا). Terjemahan literal bagi ungkapan ini ialah “dan kami turunkan langit ke atas mereka lebat”. Ungkapan ini merupakan *majāz mursal* yang mempunyai hubungan *sababiyyah*, iaitu menyebut sebab atau punca kepada sesuatu perkara, sedangkan yang dimaksudkan adalah akibat atau kesan daripadanya iaitu hujan yang turun daripada langit (al-Zamakhsyari, 1995: 2: 6; Wahbah al-Zuhaili, 2009: 4: 142).

Dapat diperhatikan dalam Jadual 5 bahawa Mahmud Yunus tidak menterjemahkan ungkapan ini secara literal, tetapi beliau menterjemahkannya dengan maksud “dan Kami turunkan hujan yang lebat atas mereka”. Ini bermakna beliau mengguna pakai strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal agar boleh memandu pembaca bahasa sasaran ke arah memahami makna implisit yang terkandung dalam ungkapan *majāz mursal* tersebut dengan lebih jelas. Beliau cuba mentafsir dan

menjelaskan maksud sebenar *majāz mursal* al-Qur'an dengan menggantikan ungkapan *majāz mursal* tersebut dengan padanan yang lebih khusus berdasarkan maksud yang terdapat dalam bahasa sasaran.

Contoh 6: Surah Hud ayat 37

Jadual 6

<p>﴿وَأَصْنَعِ الْفُلْكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيِنَا وَلَا تُخَاطِبْنِي فِي الَّذِينَ ظَلَمُوا إِنَّهُمْ مُّعْرِضُونَ﴾</p>	<p>Terjemahan Mahmud Yunus: Dan hendaklah kamu membuat bahtera dengan <u>penjagaan</u> dan wahyu Kami dan janganlah engkau bicarakan kepadaKu tentang orang-orang yang zalim, sesungguhnya mereka itu akan ditenggelamkan.</p>
--	--

Kosa kata (أعين) dalam ayat 37 surah Hud merupakan kata jamak bagi عين yang mana secara literal bermaksud mata. Secara retorik, ia merupakan *majāz mursal* dari hubungan alat (علاقة آلية) kerana menyebut alat iaitu mata, sedangkan yang dimaksudkan adalah kesan yang terhasil daripada mata iaitu pengawasan (al-Zamakhshyari, 1995). Jika diterjemah secara literal sudah pasti makna tidak akan selari dengan dasar retorik bahasa Arab. Hal ini juga akan menyebabkan terhasilnya maksud yang tidak selari dengan apa yang ditafsirkan oleh kitab tafsir muktabar. Dengan sebab itu, Mahmud Yunus mengguna pakai strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal iaitu pengawasan.

Contoh 7: Surah Taha ayat 40

Jadual 7

<p>﴿إِذْ تَمْشِي أُخْتُكَ فَتَقُولُ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ مَن يَكْفُلُهُ ۗ فَرَجَعْنَاكَ إِلَىٰ أُمِّكَ كَيْ تَقَرَّ عَيْنُهَا وَلَا تَحْزَنَ﴾</p>	<p>Terjemahan Mahmud Yunus: Ketika saudara perempuan (Maryam) berjalan, lalu dia berkata (kepada Firaun): Mahukah aku tunjukkan kepadamu, orang yang akan memeliharanya (menyusukan)? Lalu Kami kembalikanmu kepada ibumu, supaya <u>senang hatinya</u> dan tidak berdukacita...</p>
--	--

Contoh 8: Surah al-Qaṣas ayat 13

Jadual 8

<p>﴿فَرَدَدْنَاهُ إِلَىٰ أُمِّهِ كَيْ تَقَرَّ عَيْنُهَا وَلَا تَحْزَنَ ۗ وَلَتَعْلَمَنَّ أَنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ﴾</p>	<p>Terjemahan Mahmud Yunus: Maka Kami kembalikan Musa kepada ibunya, <u>supaya gembira hatinya</u> dan tidak lagi berduka-cita, dan supaya dia tahu, bahawa janji Allah itu benar, tetapi kebanyakan mereka tidak tahu.</p>
--	---

Jadual 7 dan Jadual 8 di atas mengandungi ungkapan *majāz mursal* pada frasa (تقر عينها). Ungkapan tersebut mempunyai hubungan separa (علاقة جزئية), iaitu menyebut sebahagian sesuatu tetapi yang dimaksudkan adalah keseluruhan. Hal ini adalah kerana kebahagiaan dan ketenangan itu bukan terhasil di mata (عين), tetapi di dalam jiwa. Jika ungkapan *majāz mursal* tersebut diterjemah secara literal semata-mata dengan “tetap matanya”, nescaya tidak selari dengan dasar retorik bahasa Arab dan keadaan ini sudah pasti menyebabkan tidak tercapainya kesepadanan makna dalam terjemahan.

Dengan sebab itu, kita dapat perhatikan bahawa Mahmud Yunus mengemukakan makna implisit *majāz mursal* dalam kedua-dua ayat dalam Jadual 7 dan Jadual 8 tersebut dengan terus menterjemahkan ungkapan (تفر عينها) kepada senang hatinya dan gembira hatinya. Penterjemahan ini menepati maksud yang dinyatakan oleh para mufassir iaitu الفرح والسرور yang bermaksud kebahagiaan dan kegembiraan (Wahbah al-Zuhaili, 1991: 20: 62). Ini bermakna Mahmud Yunus menggunakan strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal tetapi dengan pemilihan leksikal yang berbeza. Kaedah sebegini boleh memandu pembaca bahasa sasaran ke arah memahami makna implisit yang terkandung dalam ungkapan *majāz mursal* tersebut dengan lebih jelas.

Contoh 9: Surah al-`Alaq ayat 17

Jadual 9

﴿فَلْيَدْعُ نَادِيَهُ﴾	Terjemahan Mahmud Yunus: Maka hendaklah dia memanggil <u>perkumpulannya</u> (untuk <u>meminta tolong</u>),
------------------------	--

Kosa kata (النادي) secara literal bermaksud majlis atau dewan orang ramai (Kamus Besar Arab-Melayu Dewan, 2006: 2328). Menurut *Al-Zamakhsyari* (1995: 4: 778), kosa kata tersebut merujuk kepada ahli majlis atau ahli kumpulan. Gaya bahasa sebegini merupakan *majāz mursal* dari hubungan tempat (علاقة محلية) iaitu menyebut tempat kepada sesuatu, sedangkan yang dimaksudkan adalah orang yang berada di tempat tersebut (al-Zarkasyi, 2001: 2: 296).

Daripada Jadual 9, didapati bahawa Mahmud Yunus menggunakan pendekatan pengeksplicitan dengan bentuk pengkhususan leksikal untuk menzahirkan makna implisit yang terkandung dalam *majāz mursal* tersebut kerana beliau menggunakan leksikal “perkumpulannya”.

Kosa kata (النادي) secara literal bermaksud majlis atau dewan orang ramai (Kamus Besar Arab-Melayu Dewan, 2006: 2328). Menurut *Al-Zamakhsyari* (1995: 4: 778), kosa kata tersebut merujuk kepada ahli majlis atau ahli kumpulan. Gaya bahasa sebegini merupakan *majāz mursal* dari hubungan tempat (علاقة محلية) iaitu menyebut tempat kepada sesuatu, sedangkan yang dimaksudkan adalah orang yang berada di tempat tersebut (al-Zarkasyi, 2001: 2: 296).

Daripada Jadual 9, didapati bahawa Mahmud Yunus menggunakan pendekatan pengeksplicitan dengan bentuk pengkhususan leksikal untuk menzahirkan makna implisit yang terkandung dalam *majāz mursal* tersebut kerana beliau menggunakan leksikal “perkumpulannya”.

5. Kesimpulan

Kajian ini menemui bahawa Mahmud Yunus memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha memindahkan makna implisit yang terkandung dalam gaya bahasa majaz mursal al-Quran melalui penggunaan strategi eksplisitasi dari bentuk pengkhususan leksikal. Secara tidak langsung boleh dirumuskan bahawa para penterjemah teks berbentuk kusus seperti Mahmud Yunus sebenarnya menggunakan teori terjemahan moden Barat walaupun ia tidak disebut secara langsung, sekali gus membuktikan praktikaliti penggunaan strategi eksplisitasi dari bentuk pengkhususan leksikal terhadap majaz mursal al-Quran. Diperhatikan juga bahawa Mahmud Yunus tidak menggunakan strategi ini secara bebas namun masih terikat dengan pencerahan yang dibuat oleh para mufassir terhadap frasa majaz mursal berkaitan.

6. Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak UIS umumnya, dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) serta Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) khususnya yang telah memberi peluang kepada penulis untuk menjalankan penyelidikan melalui dana Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2019 dengan kod penyelidikan KUIS/2019/GPIK-07/GPI/05 dari tempoh 1 Disember 2019 hingga 30 November 2020.

7. Rujukan

- _____. *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (2015). *Kamus Kesusasteraan*. Md. Salleh Yaafar et al (pnyt.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul-Raof, H. (2001). Quran Translation: Discourse, Texture and Exegesis. Cetakan 1. Vol. 4. <https://doi.org/10.3366/jqs.2002.0008>.
- Abdullah, N. (2015). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Tinjauan terhadap kesepadanan terjemahan kata ganti nama diri Arab-Melayu. *Jurnal Pengajian Islam*, 8(3), 35–54. Dicapai daripada <http://www2.kuis.edu.my/jurnal-pengajian-islam>
- Abdullah, N. (2017). Kohesi dalam Tafsir Mahmud Yunus: Pemerhatian Terhadap Terjemahan Kata Ganti Nama Diri. dalam prosiding 4th. International Seminar on Post Graduate Studies (SAPLI2017). 1-2 November 2017, De Palma Hotel, Shah Alam. Pusat Pengajian Siswazah. UIS. Halaman 316-330.
- Abdullah, N. (2019). Dhaya' al-Dalalat al-Majaziyyah fi Tarjamah Uslub al-Majaz al-Mursal al-Warid fi al-Quran al-Karim: Dirasat fi Ba'dhi al-Nusus al-Mutarjamah ila al-Lughah al-Malayuwiyyah. *Journal of Linguistic and Literary Studies*, Arabic Language Department, Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia. Vol. 10, No. 2, December 2019. 44 - 64.
- Abdullah, N. (2020). Pengaruh Mazhab Fiqah al-Syafi'i: Analisis Terhadap Beberapa Teks Terjemahan Al-Quran Ke Bahasa Melayu: The Influence of al-Syafi'i School of Thought (Madzhab): An Analysis of Few of the Malay Translations of the Quranic Text. *Journal of Muwafaqat*, 3(2), 44-62. Dicapai daripada <https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal/article/view/73>
- Abdullah, N., & Samsudin, S. (2022). Perbandingan penterjemahan Majāz Mursal al-Quran antara Yayasan Restu dengan al-Hidayah House of Quran. *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(2), 949-961. Dicapai daripada <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i2.298>
- Abdullah, N. Samsudin, S dan Suliman, N.F. (2020a). *Ketidaktepatan dalam Terjemahan Majāz Mursal Al-Quran*. dalam Ghazali Zainuddin, Mohammad Imran Ahmad, Mariam Mat Daud, Ahmad Redzaudin Ghazali & Hasanah Katim @ Iksan. (Eds.), *Isu-isu Kontemporari Dalam Pengajian Linguistik Arab dan Ketamadunan*. (53-61). Bandar Seri Putra: Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Universiti Islam Selangor (UIS).
- Abdullah, N. Samsudin, S dan Suliman, N.F. (2020b). *Eksplisitasi dalam Terjemahan Majāz Mursal Al-Quran*. dalam Ghazali Zainuddin, Mohammad Imran Ahmad, Mariam Mat Daud, Ahmad Redzaudin Ghazali & Hasanah Katim @ Iksan. (Eds.), *Isu-isu Kontemporari Dalam Pengajian Linguistik Arab dan Ketamadunan*. (10-19). Bandar Seri Putra: Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Universiti Islam Selangor (UIS).

- Abdullah, N. Samsudin, S dan Suliman, N.F. (2020c). Terjemahan Majāz Mursal: Satu Sorotan Literatur. dalam *Prosiding 7th. International Research Management & Innovation Conference*. 26-28 Oktober 2020. Universiti Islam Selangor.
- Abdullah, N., Samsudin, S., & Suliman, N. F. (2021). Masalah Semantik dalam terjemahan Majāz Mursal al-Quran: analisis terhadap hubungan Musabbab. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 508-522. Dicapai daripada <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v6i1.145>
- Ahmad Sunawari Long. (2016). *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad, K. and Mawardi, K. and Maksum, A.M. and Ariffin, S. and Abdullah, M. (2012) *Ketokohan Mahmud Yunus dalam bidang tafsir Al-Quran: Kajian terhadap kitab tafsir Qur'an Karim*. In: The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012, 22-23 Feb 2012, University of Malaya.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2006). *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Al-Attas, S. M. A.-N. (1972). *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu/Syed Muhammad Naquib al-Attas*. ABIM.
- Ammar Fadzil. (2008). *Anatomi al-Quran*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Baharom et. al. (2015). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bakri, S.A. (2001). *Al-Balaghah al-Arabiyyah fi Thaubiha al-Jadid*. Beirut: Dar al-ilm li al-malayin.
- Al-Baydhawi, Nasir al-Din Abu Said Abdullah bin Omar bin Muhammad al-Syirazi. (2003). *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Hadi, N. (2015). Kontribusi al-Qur'an terhadap Perkembangan Bahasa Arab. *El-Furqania: Jurnal Ushuluddin Dan Ilmu-Ilmu Keislaman*, 1(01), 120-137.
- Halimah, A. M. (2014). Translation of the Holy Quran: a call for standardization. *Advances in Language and Literary Studies*, 5(1), 122–133.
- Hasan, D. C. (2007). Dari Bahasa Inggris Ke Bahasa Indonesia Dalam Karya Fiksi. *Linguistik Indonesia*, Tahun ke 25, No. 2, Ogos 2007, hlm 55-63.
- Heri Ruslan. (2012). *Jejak Penerjemahan Alquran di Dunia Barat. Khazanah*. [atas talian]: <https://www.republika.co.id/berita/m2mahv/jejak-penerjemahan-alquran-didunia-barat> (akses pada 29 Disember 2022).
- Hermawan, Acep. (2015). Penerjemahan Majaz Mursal dalam Alquran Terjemah Sunda Karya M.E. Hasim dan Pemda Jabar. *Disertasi*. Bandung: UIN Sunan Gunung Jati.
- Idris Mansor. (2016). Explicitation in the Translation into Malay of Arabic Technical Culture. dalam *Prosiding Seminar Terjemahan dan Interpretasi Kebangsaan*. 15-16 Oktober 2016. Universiti Sains Malaysia.
- Ibn 'Asyūr, M. (1984). *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunis: al-Dar al-Tunisiyyah.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram. (2003). *Lisan al-Arab*. Dar Sadir.
- Kaathi', Fallah Hassan. (2008). *Al-Takwiinaat al-Nahwiyyah li al-Majaz al-Mursal fi al-Quran al-Karim*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Cetakan 1.
- Klaudy, K. & Károly, K. (2005). Implication in Translation: Empirical Evidence for Operational Asymmetry in Translation. *Across Languages and Cultures*, 6(1), 13-28. <https://doi.org/10.1556/acr.6.2005.1.2>
- Larson, Mildred. (1989). *Penerjemahan Berdasarkan Makna: pedoman untuk Pemadanan Antarbahasa*. Terjemahan Kencanawati Tanirah. Jakarta: Arcan.
- Mahmud Yunus. (2008). *Tafsir al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani*. Klang Book Centre.
- Murtisari, E. T. (2016). Explicitation in translation studies: The journey of an elusive concept. *Translation and Interpreting*, 8(2), 64–81. <https://doi.org/10.12807/ti.108202.2016.a05>

- Nasimah Abdullah & Mohamed Mohamed Zin. (2022). *Sumbangan dan Pengaruh Tafsir al-Baghawi di Alam Melayu Nusantara*. Dalam Bakar, S. A., Ramli, F. Z. M., Yama, P., Ahmad, Z. A. S., & Usman, A. H. (Eds.), *Apresiasi Ketokohan Ulama Tafsir dan Hadis Sepanjang Zaman*. Jilid 1 (Ketokohan Ulama Tafsir). (36-41). Bandar Seri Putra: Penerbit Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS).
- Purba, F. (2016). Pendekatan dalam Studi Al-Quran: Studi tentang Metode dan Pendekatan Al-Quran. *Jurnal As-Salam*, 1(2), 27-38.
- Samsudin, S., Abdullah, N. & Suliman, N.F. (2020). Pengeksplisitan dalam Terjemahan gaya bahasa Majaz Mursal: Analisis dalam Surah al-Baqarah. Dalam Prosiding 7th. International Research Management & Innovation Conference (IRMIC2020). UIS. 334-342. 26-27 October 2020. Dicapai daripada <http://rmc.kuis.edu.my/irmic/e-proceedings/e-proceeding-irmic-2019/>
- Al-Suyūti, J. (2003). *Al-Itqan fi Ulum al-Qur'an*. ed. Muhammad Abu al-Fadhli Ibrahim. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- Syed Nurulakla Syed Abdullah. (2015). Analisis Makna Implisit Dan Eksplisit Dalam Penterjemahan Buku 'Rihlah Ibn Battutah' Ke Bahasa Melayu. *Tesis Sarjana Kedoktoran*. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Yusuff, M. S. S., Manaf, M. R. A., Ahmad, M. T. A. C., & Mahadzir, A. H. (2021). Kritikan Terhadap Teks Karya Ma'alim al-Tanzil oleh Muhammad al-Husayn Al-Baghawi Dalam Tafsir Nur al-Ihsan. *International Journal of Advanced Research in Islamic and Humanities*, 3(4), 1-7.
- Yusuff, M. S. S., & Sahad, M. N. (2013). Bacaan Intertekstual terhadap Tafsir Nur Al-Ihsan: Satu Kajian Menurut Kaedah Paralel. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 7, 48-59.
- Wahbah Al-Zuhaili. (2009). *Tafsir Al-Munir*. Damsyiq, Syria: Dar al-Fikr.
- Wahbah al-Zuhaili (1991) *Tafsir Al-Munir*. Damsyiq, Syria: Dar al-Fikr.
- Zadeh, T. (2015). Quranic studies and the literary turn. *Journal of American Oriental Society*, 135(2), 329-342.
- Zainuddin, N. M., Abdullah, N., & Samsudin, S. (2023). Terjemahan Majaz Mursal al-Qur'an melalui Strategi Eksplisitasi: Analisis Itibar Ma Kana. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 6(3), 12-27. Dicapai daripada <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/issue/view/23>
- Al-Zamakhsyari, M. (1995). *Al-Kashshaf*. ed. Muhammad Abdul Salam Syahin. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Zarkasyi, al-Imam Badr al-Din Muhammad ibn Abdullah. (2001). *Al-Burhan fi Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.